

Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar

Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya

Yusof Boon

Kamaliah Noordin

Fakulti Pendidikan UTM Skudai Johor

ABSTRAK: Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengetahui hubungan antara gaya keibubapaan, motivasi dan konsep kendiri akademik dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti gaya keibubapaan ibu bapa pelajar yang sering mereka amalkan. Jenis motivasi yang dominan di kalangan pelajar serta sama ada motivasi intrinsik atau ekstrinsik yang lebih mempengaruhi pencapaian pelajar juga dikenal pasti. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tahap konsep kendiri akademik di kalangan pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 216 orang pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah dalam daerah Johor Bahru. Kajian rintis telah dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan instrumen dengan menggunakan statistik Cronbach Alpha. Kebolehpercayaan instrumen yang didapati ialah 0.793. Beberapa pindaan telah dibuat ke atas item-item instrumen untuk meningkatkan kebolehpercayaannya. Analisis data dibuat secara deskriptif seperti min, peratus, sisihan piawai dan kekerapan sementara statistik inferensi seperti Korelasi Pearson serta kaedah regresi berganda digunakan untuk melihat hubungan antara faktor yang dikaji. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai tahap konsep kendiri akademik yang tinggi. Jenis motivasi yang dominan di kalangan mereka pula ialah motivasi ekstrinsik dengan min keseluruhan sebanyak 3.43 berbanding dengan min motivasi intrinsik sebanyak 3.39. Di samping itu, gaya keibubapaan yang sering diamalkan ialah gaya autoritatif. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada aras 0.01 antara konsep kendiri dengan pencapaian dengan nilai 'r' lemah iaitu 0.19. Hubungan antara gaya keibubapaan keseluruhan dengan pencapaian juga signifikan pada aras 0.01 dengan nilai 'r' 0.41. Hubungan antara jenis gaya keibubapaan autoritatif dengan pencapaian pula juga signifikan pada aras 0.01 dengan nilai 'r' 0.43. Bagi jenis authoritarian, hubungannya dengan pencapaian juga didapati signifikan pada aras 0.05 di mana nilai 'r' ialah 0.37. Gaya permisif pula mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian dan nilai 'r'nya sebanyak 0.35 pada aras 0.01. Walaubagaimanapun, tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian. Bagi motivasi pula, hasil kajian menunjukkan motivasi intrinsik menyumbang sebanyak 16.7 peratus kepada pencapaian pelajar, signifikan pada aras 0.05, sedangkan motivasi ekstrinsik tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar.

Pengenalan

Salah satu isu yang sentiasa hangat dibincangkan dalam alam pendidikan ialah peranan motivasi dalam proses pembelajaran para pelajar. Malahan para guru sentiasa memberikan alasan bahawa para pelajarnya tidak mencapai tahap pencapaian yang sebenarnya kerana kurang motivasi atau 'malas'.

Motivasi dilihat sebagai faktor utama memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam seperti PMR, SPM dan STPM. Sekolah-sekolah sanggup berbelanja beribu ringgit untuk mengadakan kursus-kursus motivasi untuk pelajar-pelajarnya. Para ibu bapa juga sanggup membayar beratus ringgit untuk menghantar anak mereka menyertai kursus-kursus motivasi sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan besar.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai persoalan berhubung perkara ini, seperti adakah usaha ini sudah mencukupi untuk meningkatkan pencapaian pelajar? Bagaimana dengan peranan ibu bapa itu sendiri dalam membantu atau memastikan kejayaan anak-anak mereka? Bagaimana dengan gaya interaksi mereka dengan anak-anak? Adakah ini meninggalkan kesan terhadap motivasi mereka dalam pembelajaran?

Persoalan-persoalan seperti ini sangat penting diterokai. Diharap kajian ini dapat memberi sumbangan dari sudut memberi gambaran apakah gaya keibubapaan yang dapat mempengaruhi motivasi pelajar dalam pembelajaran mereka.

Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan salah satu negara 'muda' di dunia. 'Muda' di sini bermaksud lebih dari 50% penduduk di negara ini terdiri dari golongan muda. Ini adalah aset negara yang sangat penting dan mempunyai potensi yang besar untuk membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang. Keupayaan orang muda daripada sudut mental dan juga fizikal tentulah lebih baik daripada golongan tua.

Walau bagaimanapun generasi muda ini perlu dibentuk dengan baik agar potensi yang ada ini dapat direalisasikan atau diterjemahkan dalam bentuk tenaga kerja serta kepimpinan yang diperlukan. Sekiranya perkara ini tidak dijaga dan diolah dengan baik, yang sebaliknya akan berlaku. Mereka mungkin menjadi faktor peruntuh ketamadunan negara dan membebankan masyarakat. Menurut Ibn Khaldun, sesebuah tamadun atau dinasti selalunya tidak dapat bertahan lebih dari tiga generasi (DBP 2000). Generasi pertama adalah generasi yang bermati-matian memperjuangkan nasib masyarakatnya. Generasi ini sudah lali dengan keadaan yang penuh mendesak dan tertekan. Malahan keadaan ini yang menyalakan semangat perjuangan mereka, membuat mereka kuat dan disegani serta digeruni dan berjiwa 'besar'. Generasi kedua pula hidup dalam keadaan bermewah-mewah hasil daripada pengorbanan generasi pertama. Masing-masing ingin mencari kemasyhuran dan keuntungan sendiri, bukan lagi untuk kepentingan bersama.

Riak-riak atau petanda kerosakan generasi muda telah mula dikesani di negara ini. Contoh yang paling ketara ialah masalah penyalahgunaan dadah. Usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini nampaknya belum berjaya. Pusat-pusat serenti dipenuhi dengan generasi yang sepatutnya memenuhi ruang-ruang di sekolah atau di institusi pengajian tinggi.

Kenapakah perkara ini berlaku? Adakah mereka merasa bosan untuk ke sekolah? Apakah mereka tidak merasakan kepentingan pembelajaran atau pendidikan? Atau adakah mereka tidak mendapat kepuasan daripada apa yang mereka lakukan di sekolah? Tidak dinafikan, apabila setiap keputusan peperiksaan awam seperti PMR dan SPM diumumkan, begitu ramai yang lulus dengan cemerlang. Tetapi kita juga dapat lihat bahawa terdapat satu golongan lain yang besar kemungkinan akan tercicir. Ramai daripada kedua-dua kumpulan ini datang daripada sekolah yang sama. Kenapakah perkara ini berlaku? Kenapakah prestasi mereka begitu jauh berbeza ?

Oleh itu terdapat ratusan ribu murid atau pelajar mengambil peperiksaan awam setiap tahun, sama ada UPSR, PMR atau SPM. Malangnya, ratusan ribu juga yang gagal di dalam peperiksaan berkenaan. Kemampuan untuk mengikuti pembelajaran tidak boleh dipertikaikan kerana manusia telah dikurniakan oleh Allah s.w.t dengan akal. Kemampuan akal ini amatlah luas dan mampu berfikir dan menimbangkan setiap perkara dari pelbagai segi. Dengan akal ini juga manusia berpotensi untuk melalui satu proses pembelajaran (Ibn Khaldun, DBP 2003).

Dalam keadaan negara ingin bersaing di peringkat antarabangsa, negara amat memerlukan tenaga pekerja mahir dan separa mahir. Kegagalan para pelajar dalam peperiksaan atau dalam pembelajaran sangat merugikan, malahan meruncingkan lagi masalah keciciran dan pengangguran di Malaysia. Walaupun kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan dari 16.5% pada 1990 kepada 8.95% pada 1995, tetapi kadar pengangguran masih tinggi iaitu 2.8% pada 1995 (Rahman, 1997).

Kenapakah ramai para pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik walaupun peluang diberi dengan seluas-luasnya? Antara faktor penyebabnya ialah sekolah yang tidak berkesan (Trawick,1997). Sekolah-sekolah ini ialah sekolah yang berbentuk hieraki dan authoritarian. Di samping itu sekolah-sekolah ini juga terlalu *rigid* atau kurang fleksibel sehingga tidak dapat respon kepada keperluan-keperluan berbagai kumpulan pelajar (Trawick 1997).

Satu lagi faktor penyebab ialah sikap dan tindak tanduk guru yang berat sebelah atau tidak berlaku adil terhadap pelajar-pelajarnya, sama ada disengajakan atau tidak. Contohnya, satu kajian di Amerika Syarikat, mendapati bahawa guru-guru memberi 35% lebih pujian dan 21% lebih soalan kepada pelajar dari golongan *EuroAmerican* berbanding *Mexican American*. Guru-guru juga menerima lebih dari 40% idea-idea daripada pelajar *EuroAmerican* berbanding *Mexican American*. Sikap ini telah meninggalkan kesan yang sangat negatif terhadap prestasi pembelajaran pelajar-pelajar daripada etnik *Mexican American* (Trawick.1997).

Ibu bapa merupakan faktor dalam alam pendidikan para pelajar yang kurang diberi tumpuan berbanding guru-guru atau institusi sekolah. Sedangkan kajian telah menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam pembentukan dan perkembangan anak-anak, sejak dari dalam kandungan lagi. Dan kesannya dapat dilihat hingga ke alam dewasa (Woolfolk, 1995).

Pembelajaran berkesan bergantung kepada perkembangan emosi yang sihat. Bagaimana orang dewasa melibatkan diri dalam proses afektif juga mempunyai impak ke atas keupayaan seorang kanak-kanak mengikuti pembelajarannya. Maslow (1976) berpendapat bahawa anak-anak memerlukan keadaan yang selamat dari sudut emosi sebelum pembelajaran dapat berlaku (Greenhalgh,1994). Meningkatkan kualiti perhubungan manusia di kalangan pelajar juga meningkatkan kualiti dan bilangan

kerja-kerja akademik, di samping kedatangan ke sekolah (Hall & Hall, 1988). Untuk berupaya membuat eksplorasi yang diperlukan dalam pembelajaran berautonomi pula, seorang pelajar perlu berasa selamat dan terjaga di dalam ikatannya dengan orang-orang dewasa yang signifikan (Greenhalgh, 1994).

Sekiranya anak-anak tidak dapat mengecapi hubungan yang sejahtera dengan orang-orang dewasa yang signifikan dalam hidupnya, mereka akan terkesan secara negatif, terutama dari sudut pembentukan konsep sendiri. Terdapat tiga cara anak-anak mungkin akan terkesan oleh emosi yang ditunjukkan oleh ibu bapa terhadap mereka. Pertama, apabila berlaku ketidakterimaan. Kedua ialah apabila ibu bapa terlalu melindungi, dan ketiga, apabila berlaku kekeliruan emosi akibat daripada ibu bapa menunjukkan emosi yang negatif dan positif secara silih berganti terhadap mereka (Barret & Trevilt, 1991).

Walau bagaimana pun, cara bagaimana ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak mereka bergantung kepada pegangan dan kepercayaan mereka tentang pengurusan dan pendidikan anak-anak. Keluarga yang sentiasa menghadapi keadaan prejudis dan tidak mempunyai sumber yang banyak akan mendidik anak mereka menjadi lebih cecal dan gigih sejak kecil berbanding dengan keluarga yang tidak menghadapi keadaan demikian. Apabila anak-anak dididik dengan cara yang pelbagai dan berbeza, tentulah mereka akan memberi respon yang pelbagai dan berbeza-beza pula kepada sesuatu perkara dalam konteks persekolahan atau persekitaran yang lain (Trawick, 1997). Perkara ini amat penting difahami oleh para pendidik.

Pencapaian pelajar di sekolah berkait rapat juga dengan tahap motivasi mereka. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi tahap motivasi pencapaian pelajar. Antaranya ialah jangkaan orang-orang yang signifikan di sekelilingnya. Tetapi adakah jangkaan dan keperihatinan ibu bapa terhadap pencapaian anak-anak di sekolah bergantung kepada latarbelakang sosiobudaya? Tentulah tidak. Kajian telah menunjukkan bahawa semua ibu bapa daripada semua latarbelakang prihatin dan mempunyai jangkaan dan harapan yang tinggi terhadap pembelajaran anak-anak mereka (Trawick, 1997).

Perbezaannya ialah cara mereka berinteraksi dengan anak-anak masing-masing, sebagaimana telah dinyatakan sebelum ini. Gaya keibubapaan yang digunakan oleh mana-mana ibu bapa tentu akan memberi kesan kepada motivasi pencapaian anak-anak mereka. Hal ini kerana motivasi pencapaian banyak bergantung kepada konsep sendiri dan estimasi sendiri pelajar berkenaan. Perkara-perkara ini banyak dibentuk oleh pengalaman-pengalaman positif dan negatif dengan mereka yang signifikan termasuk ibu bapa. (Woolfolk, 1995)

Kajian ini meneroka hubungan antara gaya keibubapaan, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian, di kalangan sekumpulan pelajar sekolah menengah. Pengelasan gaya keibubapaan pula dibuat berasaskan pengelasan Baumrind (1971). Baumrind telah mengelaskan gaya keibubapaan mengikut gaya kepimpinan dengan menekankan aspek-aspek kawalan, penjelasan, kematangan, arahan dan penyuburan (*nurturance*). Berdasarkan ini, gaya keibubapaan boleh dikelaskan kepada autoritatif, authoritarian dan kebebasan. (Eggen & Kauchak, 1994). Walaubagaimanapun, untuk tujuan kajian ini, kelas-kelas gaya keibubapaan ialah autoritatif, authoritarian, kebebasan dan kecuaiian. Pengelasan ini akan di buat berasaskan dua indeks iaitu indeks mengarah (*demandingness*) dan indeks responsif (*responsiveness*).

Ciri-ciri gaya *authoritatif* ialah tegas tetapi penyayang dan konsisten. Ibu bapa dalam kategori ini juga suka menerangkan sebab-sebab setiap peraturan di adakan. Mereka juga mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap anak-anak tetapi sentiasa memberi bantuan dan sokongan. Ciri-ciri gaya *authoritarian* pula ialah mengarah dan mementingkan kepatuhan. Ibu bapa dalam kategori ini bersikap kurang mesra dan tidak menggalakkan perbincangan untuk mencapai persetujuan bersama. Ibu bapa yang mengikut gaya *permissif* pula memberi anak-anak mereka kebebasan sepenuhnya. Mereka juga jarang mempunyai sebarang jangkaan atau tuntutan ke atas anak-anak. (Eggen & Kauchak, 1994). Di samping itu, ibu bapa yang mengamalkan gaya kecuaiian mempraktikkan tahap kawalan dan kemesraan yang sangat rendah terhadap anak-anak.

Pencapaian ialah kejayaan mencapai sesuatu matlamat. Tahap pencapaian pula ialah sejauh mana seseorang pelajar itu berjaya dalam satu-satu peperiksaan atau ujian piawai (*standardized test*). (Reber, 1987). Dalam kajian ini, ujian piawai yang digunakan sebagai petunjuk pencapaian ialah Peperiksaan Menengah Rendah (PMR).

Motivasi ialah proses *intervensi* atau keadaan dalaman seseorang yang mendorongnya untuk bertindak. (Reber, 1987). Woolfolk (1995) pula menyatakan bahawa motivasi bukan hanya dorongan untuk bertindak tetapi juga mengarah dan meneruskan sesuatu tingkah laku. Terdapat dua jenis motivasi iaitu motivasi *intrinsik* dan motivasi *ekstrinsik*. Motivasi *intrinsik* merupakan kecenderungan untuk mencapai atau mengatasi cabaran-cabaran kerana minat atau menggunakan keupayaan yang ada. Seseorang yang bermotivasi *intrinsik* tidak memerlukan insentif luaran, sama ada dalam bentuk ganjaran atau dendaan, untuk berkerja. Kerja berkenaan sudah merupakan ganjaran kerana kepuasan yang dirasai. Motivasi *ekstrinsik* pula ialah kecenderungan untuk melakukan sesuatu kerana inginkan ganjaran luaran seperti markah dan gred, ataupun mengelak daripada dendaan. (Woolfolk, 1995). Ringkasnya, perbezaan asas antara kedua-dua jenis motivasi ini ialah sebab-sebab sesuatu tingkah laku itu dilaksanakan, sama ada berpunca dari dalam atau luar.

Konsep *kendiri* merupakan keseluruhan pandangan seseorang terhadap dirinya. Konsep ini terbentuk sejak dari kecil dan berkembang dari masa kesemasa melalui proses *penilaian sendiri*. Dari itu, bagaimana ibu bapa berinteraksi, menilai dan menghargai anak-anak akan memberi kesan yang mendalam terhadap pembentukan konsep *kendiri* mereka. Menurut Woolfolk (1995), konsep *kendiri* terdiri dari konsep *kendiri* bukan akademik, konsep *kendiri* akademik bahasa inggeris dan konsep *kendiri* akademik matematik. Menurut Eggen & Kauchak (1994) pula, konsep *kendiri* terdiri dari konsep *kendiri* akademik, konsep *kendiri* sosial dan konsep *kendiri* fizikal. Konsep *kendiri* yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah konsep *kendiri* akademik. Hal ini kerana skop kajian hanya berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam pembelajaran.

Pernyataan masalah

Pencapaian pelajar yang baik dalam pembelajaran bukan hanya merupakan cita-cita ibu bapa, tetapi seluruh masyarakat memerlukan ahlinya berpendidikan. Negara memerlukan warga yang mampu membawa negara, bukan hanya untuk bersaing di peringkat antarabangsa, tetapi juga menjaga keutuhan dan kedaulatannya dalam abad yang penuh mencabar ini.

Masalah hubungan antara prestasi pencapaian para pelajar, pembentukan konsep sendiri dan motivasi dengan gaya keibubapaan merupakan satu masalah yang perlu kepada kajian yang khusus. Adakah faktor-faktor motivasi intrinsik atau ekstrinsik yang lebih banyak mempengaruhi pencapaian mereka? Bagaimana pula dengan konsep sendiri? Adakah mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar secara signifikan? Apakah pula hubungan antara gaya keibubapaan dan pencapaian, motivasi dan konsep sendiri mereka, khususnya konsep sendiri akademik? Baumrind (1971) telah mengelaskan empat gaya keibubapaan, iaitu autoritatif, autoritarian, kebebasan dan kecuiaan. Gaya yang manakah yang paling sesuai untuk membantu anak-anak dalam pembelajaran mereka?

Kajian ini cuba meneroka persoalan-persoalan ini dan membantu mencari penyelesaian terhadap masalah pencapaian pelajar dalam bidang akademik.

Objektif Kajian

Objektif kajian secara khususnya adalah seperti berikut.

1. Untuk mengetahui tahap konsep sendiri akademik yang ada di kalangan pelajar.
2. Untuk mengetahui sama ada faktor motivasi intrinsik atau ekstrinsik yang lebih dominan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar
3. Untuk mengenal pasti gaya keibubapaan ibu bapa para pelajar yang sering diamalkan.
4. Untuk mengetahui hubungan antara konsep sendiri akademik, motivasi dan gaya keibubapaan dengan pencapaian pelajar.

Soalan Kajian

1. Apakah gaya keibubapaan yang sering diamalkan oleh ibu bapa para pelajar?
2. Adakah faktor motivasi intrinsik atau ekstrinsik yang lebih dominan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar?
3. Apakah tahap konsep sendiri yang terdapat di kalangan pelajar?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan, konsep sendiri akademik dan motivasi dengan pencapaian pelajar?

Kepentingan kajian

Ibu bapa merupakan factor yang penting dalam kehidupan dan perkembangan anak-anak. Dalam alam persekolahan, peranan ibu bapa kurang diberi tumpuan berbanding peranan guru-guru atau institusi sekolah. Sedangkan kajian telah menunjukkan bahawa pengaruh sikap dan tingkah laku ibu bapa sangat luas (NICHD, 2004). Mereka memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan masalah tingkah laku dan juga kegagalan dalam persekolahan. Yoshikawa (1995) telah mendapati bahawa gaya keibubapaan yang tidak kompeten dan ketidakterimaan (*rejecting*), kurangnya kawalan keibubapaan dan penderaan fizikal atau emosi adalah faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah-masalah di kemudian hari, bermula dengan kegagalan di sekolah hingga kepada keciciran. Ini akan diikuti pula dengan tingkah laku jenayah dan keganasan.

Justeru, kajian ini menerokai satu aspek yang sangat penting dalam pendidikan dan pembelajaran, iaitu hubungan gaya keibubapaan dengan motivasi, konsep sendiri dan pencapaian pelajar. Gaya keibubapaan yang paling mempengaruhi motivasi, konsep sendiri dan pencapaian pelajar dapat dikenal pasti. Di samping itu, samaada motivasi intrinsik atau ekstrinsik yang lebih mempengaruhi pelajar untuk berjaya dapat juga diterokai. Kajian ini juga dapat menilai kepentingan para pelajar mempunyai konsep sendiri yang positif untuk berjaya.

Hasil kajian ini akan dapat membantu para guru dan juga ibu bapa menangani masalah pembelajaran para pelajar. Guru-guru akan dapat membentuk suasana pembelajaran yang merangkumi aspek-aspek yang dapat meningkatkan motivasi mereka, sama ada intrinsik atau ekstrinsik. Di samping itu, guru juga mendapat satu penjelasan bagaimana pentingnya konsep sendiri akademik dalam memastikan pencapaian pelajar yang baik dan seterusnya, mengstrukturkan isi pengajaran agar dapat membantu membentuk konsep sendiri yang positif.

Ibu bapa juga boleh memanfaatkan hasil kajian ini untuk menilai gaya keibubapaan yang diamalkan selama ini. Perubahan-perubahan boleh di lakukan agar memenuhi gaya yang didapati paling sesuai untuk membantu pembentukan konsep sendiri dan seterusnya pencapaian anak-anak. Hasil kajian ini juga akan menggalakkan lagi ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka menghadiri kursus-kursus motivasi yang di adakan oleh pihak sekolah atau pihak-pihak lain. Di samping itu, apabila hasil kajian ini menunjukkan secara jelas hubungan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian pelajar, pihak sekolah boleh menekankan lagi kepentingan keterlibatan ibubapa dalam masalah pembelajaran anak-anak mereka. Hal ini akan sanagat membantu pengurusan masalah pembelajaran para pelajar di sekolah.

Pihak berkuasa juga boleh memanfaatkan hasil kajian ini dengan menilai kembali fokus tindakan selama ini. Adakah patut dan sesuai fokus usaha meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dialihkan kepada ibubapa pula? Mungkin dari sudut belanjawan, lebih banyak peruntukan disediakan untuk

memberi kesedaran dan latihan kepada ibu bapa tentang aspek-aspek kemahiran keibubapaan.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya terhad kepada 216 orang pelajar tingkatan empat di sekolah menengah di sekitar Johor Bahru. Kajian ini dijalankan dengan kesedaran bahawa terdapat beberapa batasan dalam reka bentuk dan instrumen kajian yang digunakan. Berikut adalah batasan-batasan tersebut:-

i. Subjek kajian adalah terdiri daripada pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah menengah di Johor Bahru iaitu. Sekolah-sekolah ini dipilih kerana lokasinya dekat. Ini memudahkan proses kutipan data di samping menjimatkan kos. Hal ini penting kerana terdapat keterbatasan masa dan kos dalam menjalankan kajian ini. Namun, sampel yang dipilih mewakili populasinya.

ii. Maklumat kajian diperolehi melalui respon sampel pada instrumen yang berbentuk soal selidik. Oleh itu maklumat ini mungkin banyak bergantung kepada kefahaman responden mengenai kehendak soalan dan kejujuran sampel menjawab soalan-soalan tersebut. Hal ini mungkin menjejaskan sedikit sebanyak tahap reliabiliti kajian ini. Namun beberapa langkah telah diambil untuk memastikan reliabiliti kajian terjamin. Pertama, keterangan tentang instrumen dan prosedurnya telah diterangkan secara lisan dan bertulis kepada sampel pelajar. Kedua, responden juga di minta menjawab instrumen secara serentak pada masa yang telah ditetapkan dan tidak dibenarkan membawa balik.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soal-selidik. Data yang diperolehi ialah untuk mencari hubungan atau korelasi antara faktor konsep sendiri akademik, motivasi, gaya keibubapaan dan pencapaian. Kajian ini juga merupakan satu kajian kuantitatif. Beberapa ujian-ujian statistik digunakan untuk menganalisis data dan menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor di atas. Kaedah tinjauan dipilih setelah menimbangakan permasalahan masa kerana kajian perlu disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Kaedah lain seperti eksperimen, kurang sesuai.

Tambahan pula dalam kajian ini, tiada perkara seperti program intervensi yang melibatkan pra ujian dan pos ujian. Apa yang hendak ditinjau hanyalah aspek-aspek afektif para responden.

Di samping itu, kajian ini melibatkan persampelan yang agak banyak. Dari itu penggunaan soal selidik adalah sesuai kerana lebih senang ditadbir dan datanya juga boleh dianalisis secara sistematik.

Prosedur Kajian

Langkah pertama yang diambil ialah mendapatkan izin dari pihak Kementerian Pelajaran Malaysia kerana kajian ini melibatkan pelajar dari sekolah-sekolah tadbirannya. Setelah mendapat izin dari pihak Kementerian, Penyelidik berhubung dengan pihak Jabatan Pelajaran Johor untuk memaklumkan tentang kajian ini.

Di samping itu, instrumen asal diterjemah dari Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu dan disahkan oleh seorang pakar Bahasa Melayu dan seorang pakar Bahasa Inggeris (sila lihat lampiran A dan B). Seterusnya instrumen ini dikemukakan kepada dua orang pakar dalam bidang ini untuk mendapat *inter-rater* dan *face validity*. Setelah itu, prosedur diteruskan dengan langkah-langkah berikut.

Kajian Rintis

Satu kajian rintis dijalankan untuk mendapatkan data bagi tujuan menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dengan menggunakan Alpha Cronbach. Melalui kajian ini, penyelidik boleh menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan, seperti pernyataan soalan atau bahasa yang digunakan. Di samping itu boleh juga dilihat sama ada jangkamasa yang ditetapkan untuk mengambil ujian dan kaedah tadbiran instrumen sesuai ataupun tidak.

Instrumen telah ditadbir ke atas 10 orang pelajar yang mewakili ciri-ciri populasi tetapi bukan sebahagian daripada sampel. Data yang diperolehi dianalisa menggunakan ujian statistik untuk mendapatkan nilai Alpha Cronbach. Melalui kaedah ini, didapati kebolehpercayaan instrumen pada ketika ini ialah 0.793. Oleh itu untuk meningkatkan kebolehpercayaan instrumen, beberapa item telah dipinda atau diganti dengan yang lain.

Tempat Kajian

Kajian dijalankan di tiga buah sekolah menengah di daerah Johor Bahru, iaitu dua sekolah menengah kebangsaan dan satu sekolah agama swasta. Sekolah-sekolah ini dipilih kerana mereka mewakili populasi serta lokasinya dekat dan mudah untuk Penyelidik lawati.

Penyelidik juga dapat memberi taklimat dan mentadbirkan instrumen kajian sendiri pada salah satu sekolah berkenaan. Perkara ini penting kerana Penyelidik dapat memastikan semua masalah ditangani dengan baik. Di samping itu, dengan mentadbirkan sendiri instrumen dan menguruskannya sendiri, kesahan dan kebolehpercayaan kajian dapat dipelihara. Bagi sekolah yang lain, bagi tujuan yang sama, Penyelidik telah sentiasa berhubung dan berbincang dengan guru-guru yang terlibat agar segala masalah dapat diselesaikan dengan baik.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri dari 216 orang pelajar Tingkatan Empat tahun 2005 di tiga buah sekolah menengah dalam daerah Johor Bahru. 72 orang pelajar dipilih secara rawak dari pelbagai kumpulan etnik pada setiap sekolah. Bilangan ini dirasakan cukup besar bagi tujuan kajian ini dan dapat mengurangkan kesilapan–kesilapan dalam dapatan yang mungkin berlaku.

Pelajar-pelajar ini dipilih kerana mereka mewakili ciri-ciri populasi yang ingin dikaji seperti umur dan latarbelakang pendidikan serta keluarga. Ketiga-tiga buah sekolah ini juga menjalankan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan dengan itu menerima kandungan silibus yang sama. Mereka juga telah menduduki peperiksaan awam yang sama iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 2004. Keputusan PMR ini diambil sebagai petunjuk pencapaian akademik yang menjadi salah satu faktor dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah tiga buah soal selidik yang ditadbirkan kepada sampel kajian di tiga buah sekolah berkenaan. Soal selidik yang pertama ialah untuk mendapat data mengenai konsep sendiri akademik pelajar, soal selidik yang kedua ialah untuk mendapat data mengenai kawalan sendiri dan motivasi, dan soal selidik ketiga ialah untuk mengenalpasti jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh setiap ibu bapa.

Kesemua responden soal selidik ialah para pelajar sendiri, termasuk soal selidik mengenai gaya keibubapaan. Ini bermakna bahawa gaya keibubapaan yang dikesani adalah dari perspektif pelajar sendiri. Hal ini adalah kerana mengambil kira masalah-masalah teknikal tadbiran borang dan pulangnya. Sekiranya instrumen ditadbirkan ke atas ibu bapa sendiri, sukar untuk Penyelidik memastikan kebolehpercayaan data kerana tidak berpeluang berjumpa mereka. Ibu bapa yang terlibat mungkin dari kumpulan etnik yang kurang menguasai Bahasa Melayu dan dengan itu kurang dapat memahami kehendak item-item dalam soal selidik. Penyelidik pula tidak dapat menterjemahkan instrumen ke dalam bahasa yang sesuai kerana di luar dari skop kajian dan keterbatasan masa.

Instrumen yang digunakan adalah yang telah diterjemah dan diadaptasikan mengikut keperluan dan objektif kajian. Kaedah *back translation* digunakan untuk mengesahkan terjemahan berkaitan. Dua orang pakar, iaitu seorang pakar Bahasa Inggeris dan seorang lagi pakar Bahasa Melayu telah mengesahkan terjemahan berkenaan.

Kaedah Analisis Data

Bagi memudahkan penafsiran terhadap dapatan yang diperolehi secara deskriptif, pengkelasan asal skala bagi pencapaian peperiksaan PMR, konsep sendiri, kawalan sendiri (motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik) dan ciri mengarah serta responsif (gaya keibubapaan) diubah daripada skala lima mata kepada skala tiga mata dan skala dua mata.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1 Perbincangan hasil kajian mengenai konsep sendiri responden

Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai konsep sendiri akademik yang tinggi iaitu sebanyak 69.0 peratus. Ini bermakna bahawa majoriti responden berpandangan positif tentang kemampuan mereka dalam bidang akademik.

Hanya 31.0 peratus mempunyai konsep sendiri akademik yang rendah atau memandang kemampuan akademiknya secara negatif.

2 Hasil Kajian Mengenai Jenis Motivasi Yang Dominan

Analisis hasil kajian telah menunjukkan bahawa secara umumnya, responden mempunyai kawalan sendiri ditahap sederhana, iaitu sebanyak 64.4 peratus. 33.8 peratus pula mempunyai kawalan sendiri yang tinggi dan hanya 8.8 peratus mempunyai kawalan sendiri rendah. 57.9 peratus pula mempunyai motivasi intrinsik dan ekstrinsik di tahap sederhana. 37.0 peratus mempunyai motivasi intrinsik di tahap tinggi dan 5.1 peratus diperingkat rendah. Bagi motivasi ekstrinsik pula 38.8 peratus responden ditahap tinggi dan 3.7 peratus di peringkat rendah.

Jika dibandingkan motivasi intrinsik dan ekstrinsik pada tahap sederhana dan tinggi, didapati bahawa motivasi ekstrinsik lebih tinggi iaitu 96.3 peratus sementara motivasi intrinsik hanya 94.9 peratus. Di samping itu, min motivasi ekstrinsik adalah lebih tinggi (3.43) berbanding min motivasi intrinsik (3.39). Oleh itu boleh dirumuskan bahawa motivasi ekstrinsik adalah lebih dominan di kalangan responden, walau pun perbezaannya tidak begitu ketara.

Namun begitu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa faktor-faktor motivasi ekstrinsik dan intrinsik dianggap oleh responden sebagai mempengaruhi motivasi mereka. Contohnya, faktor ekstrinsik yang mendapat min sederhana-tinggi ialah mencuba soalan susah untuk melihat sejauh mana mereka betul, iaitu 3.98. Contoh faktor intrinsik yang mendapat min sederhana-tinggi pula ialah mencuba soalan susah untuk mempelajari perkara baru, iaitu 3.90.

3 kajian mengenai gaya keibubapaan yang sering di amalkan

Hasil kajian menunjukkan bahawa gaya keibubapaan yang paling dominan atau yang sering diamalkan para ibubapa ialah gaya autoritatif. 50.9 peratus ibubapa responden mengamalkan gaya ini. Ini diikuti oleh gaya permisif, iaitu sebanyak 26.9 peratus, gaya autoritarian 13.9 peratus dan gaya kecuaiian sebanyak 8.3 peratus.

Mungkin faktor ini mempengaruhi wujudnya konsep sendiri yang tinggi dikalangan responden sebagai mana telah dibincangkan di atas. Menurut Eggen & Kauchak (1994), ibu bapa yang mengamalkan gaya autoritatif akan melahirkan anak yang mempunyai estimasi sendiri yang tinggi, berkeyakinan, rasa selamat dan sanggup mengambil risiko. Berdasarkan ini juga, mungkin gaya keibubapaan autoritatif yang banyak diamalkan ini juga menyumbang kepada tahap motivasi yang baik di

kalangan responden. 33.8 peratus responden bermotivasi tinggi dan 64.4 peratus bermotivasi sederhana. Hanya 8.8 peratus bermotivasi rendah.

4 Analisis hubungan tahap konsep sendiri, motivasi dan gaya keibubapaan dengan pencapaian responden.

Hubungan Tahap Konsep Kendiri dengan Pencapaian

Analisis hasil kajian telah menunjukkan bahawa 42.3 peratus dari responden yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi, mendapat pencapaian yang cemerlang dalam PMR. 43.6 peratus pula mendapat pencapaian yang sederhana dan 14.1 peratus mendapat pencapaian rendah.

Di samping itu, 40.3 peratus dari mereka yang mempunyai konsep sendiri rendah mendapat pencapaian yang cemerlang dalam PMR. Sementara masing-masing 29.9 peratus mendapat pencapaian yang sederhana dan lemah. Jika dijumlahkan pencapaian sederhana dan cemerlang, nyata bahawa lebih ramai yang mempunyai konsep sendiri tinggi jatuh ke dalam kategori ini, iaitu sebanyak 90 peratus berbanding dengan 70.2 peratus yang mempunyai konsep sendiri rendah.

5 Hubungan Tahap Kawalan Kendiri (Motivasi) Keseluruhan Dengan Pencapaian

Analisis hasil kajian telah menunjukkan bahawa 49.3 peratus daripada responden yang bermotivasi tinggi, tanpa mengira intrinsik atau ekstrinsik, telah mencapai keputusan yang cemerlang dalam PMR. 35.4 peratus dari mereka mendapat keputusan yang sederhana dan hanya 15.1 peratus mendapat keputusan lemah.

Bagi mereka yang bermotivasi sederhana, 38.1 peratus mendapat keputusan cemerlang, 41.7 peratus mendapat keputusan sederhana dan 20.1 peratus mendapat keputusan lemah.

Bagi yang bermotivasi rendah pula, 25.0 peratus mendapat keputusan cemerlang, 25.0 peratus juga mendapat keputusan sederhana dan 50.0 peratus mendapat keputusan lemah.

Jelaslah daripada dapatan kajian ini bahawa motivasi memainkan peranan yang besar dalam pencapaian pelajar. Ross (1999) juga mendapati terdapat hubungan antara motivasi dan pencapaian. Bandura et al (1996) juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi mendapat pencapaian yang lebih cemerlang.

6 Hubungan Jenis Gaya Keibubapaan dengan Tahap Pencapaian

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa daripada 110 orang ibu bapa yang mengamalkan gaya autoritatif, 51.8 peratus daripada anak-anak mereka mendapat pencapaian yang cemerlang, 34.5 peratus pula mendapat pencapaian sederhana dan 13.6 peratus mendapat pencapaian lemah.

Daripada 58 orang ibu bapa yang mengamalkan gaya permisif, hanya 29.3 peratus mendapat keputusan cemerlang. Sementara yang mendapat pencapaian sederhana ialah sebanyak 43.1 peratus dan pencapaian lemah 27.6 peratus.

Daripada 30 orang ibu bapa yang mengamalkan gaya authoritarian, 36.7 peratus mendapat keputusan cemerlang, 53.3 peratus mendapat keputusan sederhana dan 10.0 peratus mendapat keputusan lemah.

Bagi yang mengamalkan gaya kecuaiian iaitu sebanyak 18 orang, 27.8 peratus mendapat keputusan cemerlang, 33.3 peratus mendapat sederhana dan 38.9 peratus mendapat keputusan lemah.

Bolehlah dikatakan bahawa gaya keibubapaan mempengaruhi pencapaian pelajar. Gaya yang lebih berkesan dalam konteks pencapaian pelajar ialah gaya autoritatif. 51.8 peratus daripada anak-anak yang mana ibu bapa mereka mengamalkan gaya ini mendapat keputusan yang cemerlang.

Analisis hubungan korelasi antara konsep sendiri, motivasi, gaya keibubapaan dengan pencapaian

Analisis menunjukkan hubungan korelasi antara konsep sendiri akademik pelajar dengan pencapaian PMR adalah signifikan pada aras 0.01 walaupun sangat lemah. Nilai 'r' yang diperolehi ialah 0.19.

Analisis juga menunjukkan bahawa hubungan antara gaya keibubapaan keseluruhannya dengan pencapaian adalah signifikan pada tahap sederhana. Nilai 'r' ialah 0.41 signifikan pada aras 0.01.

Hubungan antara jenis gaya keibubapaan dengan pencapaian pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana bagi gaya autoritatif, di mana nilai 'r'nya ialah 0.43 signifikan pada aras 0.01. Begitu juga bagi gaya autoritarian, terdapat hubungan yang signifikan pada aras 0.05 dimana 'r' ialah 0.37. Bagi gaya permisif pula, terdapat hubungan yang signifikan pada aras 0.01 dengan nilai 'r' 0.35. Nilai 'r' bagi kedua-dua gaya keibubapaan ini adalah di tahap rendah.

Bagi gaya kecuaiian pula, tidak terdapat hubungan yang signifikan antaranya dengan pencapaian pelajar.

Bagi hubungan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan pencapaian, di dapati bahawa motivasi intrinsik lebih mempengaruhi pencapaian pelajar iaitu sebanyak 16.7. Hal ini adalah signifikan pada aras 0.05.

Cadangan

Berdasarkan hasil kajian yang didapati, Penyelidik ingin memberi beberapa cadangan kepada pihak Kementerian Pelajaran, para ibubapa dan warga pendidik.

- 1- Di cadangkan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia memberi tumpuan yang lebih dalam melatih para warga pendidik dalam aspek-aspek psikologi remaja, dan bukan hanya setakat memfokus kepada silibus dan perlaksanaannya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa konsep sendiri akademik dan motivasi para pelajar mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik mereka. Para pendidik perlu mahir dalam membina hubungan dengan para pelajar, menguruskan mereka, membina persekitaran pembelajaran dan mengguna pendekatan pengajaran yang dapat meningkatkan konsep sendiri dan tahap motivasi.
- 2- Dicadangkan kepada para ibu bapa agar meningkatkan kemahiran gaya keibubapaan masing-masing. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan yang diamalkan oleh para ibu bapa mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Ibu bapa seharusnya, secara sedar, cuba bertingkah laku dan bergaul dengan anak-anak dengan gaya yang dapat memberi sokongan yang maksima untuk mempertingkatkan pencapaian mereka.
- 3- Bagi warga pendidik pula, disarankan agar meningkatkan kemahiran dalam menangani masalah pembelajaran pelajar dengan memberi fokus kepada aspek-aspek humanistik dalam pengajaran seperti hubungan dan

cara berinteraksi dengan pelajar, agar mereka sentiasa bermotivasi dan mempunyai konsep sendiri akademik yang tinggi.

Cadangan untuk Kajian Akan Datang

Kajian ini telah mengenal pasti hubungan antara konsep sendiri, motivasi akademik dan gaya keibubapaan dengan pencapaian. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara faktor-faktor ini dengan pencapaian akademik pelajar. Namun terdapat beberapa aspek yang perlu dikaji seterusnya.

Kajian ini juga tidak mengambil kira faktor-faktor lain seperti kumpulan etnik, status sosio-ekonomi dan struktur serta pendidikan keluarga kerana di luar dari skop kajian.

Dari itu, adalah dicadangkan kajian seterusnya dijalankan seperti berikut:

- 1- Kajian lanjutan juga dicadangkan untuk mengenal pasti gaya keibubapaan yang sering di amalkan oleh ibu bapa kumpulan etnik tertentu dan ibu bapa berlatar belakangkan status sosio-ekonomi dan tahap pendidikan berbeza.
- 2- Kajian lanjutan juga dicadangkan untuk melihat hubungan antara faktor-faktor konsep sendiri akademik, motivasi dan gaya keibubapaan dengan pencapaian mengikut kumpulan etnik, status sosio-ekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa.

Kesimpulan

Daripada hasil kajian yang didapati, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa faktor-faktor konsep sendiri, motivasi dan gaya keibubapaan mempengaruhi pencapaian pelajar. Tahap konsep sendiri akademik serta motivasi membantu pelajar dalam mencapai keputusan yang cemerlang. Gaya keibubapaan autoritatif pula sangat sesuai untuk di amalkan kerana ianya terbukti memberi kesan yang sangat baik pada pencapaian pelajar.

RUJUKAN

Azizi Yahya dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Publications & Distributions Sdn Bhd.

Child D. (1981). *Psychology and the Teacher, 3rd Edition*. Great Britain: Holt, Rhinehart and Winston Ltd.

Crawford J.S. (2003). *Parental and Temperamental Influence on Early Development of Attention and Language*. D. Ed. Pacific Graduate School of Psychology, California, USA.

Daniels E. (2004). *Nobody's Ever Asked Me That Before: Middle School Students talk About Motivation To Achieve In School Context*. D.Ed. San Diego State University-University of San Diego, USA.

- Deemer S.A. (2004). *Classroom Goal Orientation in High School Classroom: Revealing link with Teacher Beliefs and Classroom Environment*. Educational Research vol. 146, no. 1, Spring 2004.
- Eggen P. & Kauchak D. (1994). *Educational Psychology- Classroom Connections, 2nd Edition*. USA: Macmillan College Publishing Company.
- Harrell C.R. (2004). *An examination of the Relationship between Ego Development and Parenting Style*. P.hd. The College of William and Mary in Virginia, USA.
- Fridenberg and Lewis (2004). *Adolescent least able to cope: How do they response to stress*. British Journal of Guidance and Counselling, vol.32, no. 1.
- Hergehahn B.R. (1988). *An Introduction to the Theories of Learning, 3rd Edition*. USA: Prentice Hall.
- Ibn Khaldun. *Muqaddimah* (terjemahan DBP, 2000) Kuala Lumpur.
- Kavitah Balau (2001). *Gaya Asuhan Ibumama dengan Konsep Kendiri Remaja*. Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Kelthum bt Yaccob (1998). *Tinjauan Terhadap Jenis Salah Laku dan Konsep Kendiri di kalangan Pelajar Keluarga Ibu Tunggal di Sekolah Menengah*. Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Klien J. (2000). *Who is responsible for gender differences in scholastic achievement: Pupils and Teachers*. Educational Research, vol 46, no.2.
- Luthans F. (2002). *Organisational Behaviour* 9th Edition. USA: McGraw Hill.
- Major-Ahmed M (2002). *Adolescent Psycho-Social Development and Academic Motivation: Connecting Student-teacher relationship to Motivation*. D. Ed. Harvard University, USA.
- Martin G. and Pear J. (1988). *Behaviour Modification, 3rd Edition*. New Jersey: Prentice Hall.
- Martinez J.R. (2003). *Academic Locus of Control, Achievement Motivation and Academic Self Efficacy: Prediction of Academic Achievement in Hispanic and non- Hispanic Middle School Children*. M.Sc (Psychology). California State University, USA.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai:UTM
- Mohamad Nazar Mohamad. (2001). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: DBP.

- Mohd Ismail Othman (2003). *Undang-undang untuk Pengetua dan Guru Besar*. Kuala Lumpur, PTS Publications.
- Murphy K.R. and Davidshofer C.O. (1994). *Psychological Testing- Principles and Applications*, 3rd edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Noor Sa'adah bt Royani (1999). *Hubungan antara Konsep Kendiri Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Universiti Teknologi Malaysia*. Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Othman Johan (1995). *Kesan Konsep Kendiri Terhadap Tingkah Laku Murid-Murid*. Ph.d. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Oxford University Press (1995). *Oxford Advance Learner Dictionary*.
- Pany M.E. (1999). *Faktor Motivasi yang Mempengaruhi Pelajar Akademi Tentera Malaysia ke arah Pencapaian Kecemerlangan Akademik*. Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Penn B. A. (2003). *The Effects of Parenting Style on Preferred Struture within Individual Learning Style in College Students at Vernard College:A comparative study*. Ph.d. Capella University, USA.
- Petri H. L. (1986) *Motivation Theory and Research*, 2nd edition. USA: Wadsworth Publication.
- Reber A.S. (1985). *Dictionary of Psychology*. New Zealand: Penguin Books.
- Rietz T.A. (2001). *Students' Perception of Motivation: The Importance of Student-Teacher Relationship*. D.Ed. National College of Education, National Lewis University, USA.
- Ross C.M. (1999). *The Relationship among Academic Achievement Motivation, Motivation Orientation, and Ability-Achievement Differences in Reading*. Ph.d. University of Alabama, USA.
- Rozman bin Harun (1999). *Hubungan Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Sanchez-Perkins R. (2002). *Relationship Between Teachers' Perception and Principal's Leadership Behaviour and Level of Work Motivation*. D.Ed. University of Texas-Pan American, USA.
- Schmakel P.K (2000). *Early Adolescents Perspective on Instructional Practices and Motivation and Achievement in Academics*. Ph.d, University of Toledo.

- Sarafino E.P. (1996). *Principles of Behaviour Change*. Canada: John Wiley and Sons.
- Trawick J.S. (1997). *Early Childhood Development-a multicultural perspective*. New Jersey: Prentice Hall.
- Weishar B.A. (1997). *The Effects of Various Modes of Parental Involvement on Secondary Students' Motivation and Academic Achievement*. D.Ed. Loyola University, Chicago, USA.
- Wilkes-Carille (2000). *Student Motivation: An Assessment of What Motivates Today's College Students in the Classroom*. Ph.d. Southern Illinois University at Carbondale, USA.